



FOR IMMEDIATE RELEASE

Q1FY2024: KEUNTUNGAN MGB MELONJAK 23%

- Buku pesanan pembinaan kukuh sebanyak RM1.19 bilion
- Jumlah jualan pembangunan harta tanah belum dibil sebanyak RM 0.74 billion

SELANGOR, 16 Mei 2024 – MGB Berhad (“MGB” atau Kumpulan), penyedia solusi perkhidmatan dan pembangunan harta tanah serta subsidiari LBS Bina Group Berhad, hari ini mengumumkan keputusan suku pertama bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024. (“Q1FYE2024”)

Bagi suku dalam tinjauan, MGB mencatat peningkatan hasil sebanyak 22.57% kepada RM 217.88 juta berbanding suku yang sama tahun sebelumnya. Pencapaian ini adalah berikutan dari peningkatan pendapatan sebanyak sembilan kali ganda bagi segmen pembangunan harta tanah kepada RM 87.59 juta.

Lonjakan hasil ini turut didorong oleh jualan yang lebih tinggi dan kemajuan di dalam pembangunan projek-projek Idaman Melur, Idaman Cahaya Fasa 1 dan Fasa 2, Idaman Sari dan Saujana Indah Fasa 1. Segmen pembinaan dan perdagangan terus menjadi pemacu hasil utama MGB. Ia menyumbang 59.8% daripada pendapatan Q1FYE2024, manakala segmen pembangunan harta tanah menyumbang baki 40.2%.

Selaras dengan hasil yang lebih tinggi, MGB turut mencatatkan keuntungan sebelum cukai dan keuntungan selepas cukai sebanyak RM20.59 juta dan RM15.11 juta, masing-masing mencatat peningkatan sebanyak 28% dan 23% tahun ke tahun. Pembinaan projek BSP Idaman dan KITA Mekar yang hampir siap, ditambah pula dengan langkah penjimatan kos oleh Kumpulan turut menyumbang kepada pertumbuhan pendapatan.

Mengulas mengenai prestasi kewangan, Pengerusi Eksekutif Kumpulan MGB Tan Sri Ir (Dr) Lim Hock San berkata, "Kami berbesar hati untuk mengumumkan keputusan suku pertama yang membanggakan pada permulaan tahun baharu. Dengan komitmen teguh terhadap kecemerlangan dan dedikasi yang tidak berbelah bahagi daripada warga kerja MGB, kami telah berjaya menetapkan asas yang kukuh untuk tahun hadapan. Prestasi luar biasa ini adalah bukti kepada visi strategik dan usaha berterusan untuk kelancaran operasi dan pengoptimuman kos.

Produk konkrit pratuang IBS (sistem bangunan industri) kami telah mengurangkan 33% masa pembinaan di tapak kerja dan meningkatkan proses pembinaan kami secara konsisten. IBS juga telah berjaya menurunkan kos bahan sekaligus meningkatkan kualiti penghasilan produk konkrit pratuang di dalam persekitaran kilang terkawal. Dengan tempahan antarabangsa sulung yang diterima bagi pembekalan dan pemasangan produk konkrit pratuang untuk 400 buah vila di projek berprestij Roshn Alarous, utara Jeddah pada Februari 2024, MGB kini bersedia untuk menunjukkan kecekapan di dalam pembuatan dan penggunaan konkrit pratuang teknologi IBS. Kami optimis bahawa produk konkrit pratuang IBS yang telah dicuba dan diuji akan memberikan produk berkualiti yang memenuhi kehendak pelanggan dan seterusnya akan mengukuhkan reputasi kami di rantau ini."

Beliau menambah, "Sehingga 30 April 2024, buku pesanan pembinaan MGB kekal kukuh pada RM 1.19 bilion, manakala jualan belum dibil pembangunan harta tanah mencatat RM 0.74 bilion. Melihat secara positif ke hadapan, MGB bersedia untuk pertumbuhan dan kejayaan yang berterusan, disokong dengan perancangan projek yang teguh, kedudukan kewangan yang kukuh, serta pasukan berbakat yang memacu inovasi dan kecemerlangan, saya yakin MGB akan terus memberikan nilai yang luar biasa dan meraih pencapaian lebih baik pada suku yang akan datang, di samping usaha berterusan untuk mengimbangi komitmen ESG kami dan menyuntik prinsip teras ini ke dalam model perniagaan kami.

-Tamat-

Ditubuhkan pada 2007, MGB Berhad (“MGB”) telah berkembang menjadi syarikat pembinaan serta pemaju harta tanah dengan perhatian utama berfokus kepada pasaran pembinaan meluas dan ruang kediaman mampu milik bagi rakyat Malaysia.

Melalui anak-anak syarikatnya, MGB menyediakan kapasiti penuh reka bentuk, pembinaan serta perkhidmatan pembangunan termasuk mereka, membina, pengurusan projek, kejuruteraan sivil, kejuruteraan nilai, kepakaran geoteknikal serta pengeluaran Sistem Konkrit Tetuang (IBS).

Dengan rekod 15 tahun di dalam bidang pembinaan residensi, komersial serta bangunan industri, dan kerja-kerja infrastruktur, MGB berdiri kukuh di samping berjaya menyiapkan lebih dari 25,000-unit harta tanah, terutamanya di segmen kediaman mampu milik. MGB juga telah menyiapkan 8,000 rumah menggunakan teknologi IBS.

Untuk maklumat lanjut, layari www.mgbgroup.com.my.

Untuk pertanyaan Media, sila hubungi:

Jabatan Komunikasi Korporat, Media & Digital, LBS

Emel : media@lbs.com.my

Lee Tec Minn

Emel : leetm@mgbgroup.com.my

Hamsaveni Visuvaseven, Imej Jiwa

Emel : hamsa@imejjiwa.com